

24 AUG 2003

Rafidah-Perkongsian

BN MEMANG DIASASKAN KEPADA PERKONGSIAN KUASA

SEREMBAN, 24 Ogos (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata asas perkongsian kuasa antara parti-parti yang mewakili pelbagai kaum di negara ini yang diamalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) telah terbukti berjaya dilaksanakan dalam sebuah negara yang rakyatnya berbilang kaum dan etnik.

"Jelas bahawa ini sahajalah cara untuk negara ini terus maju dan rakyat mendapat pembelaan, bukan cara perkongsian untuk menang pilihan raya seperti yang dibuat oleh Pas melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dahulu, Pas dengan DAP dan sebagainya.

"Itu adalah perkongsian politik Mutaah. Perkongsian yang dibuat oleh Pas dengan rakan-rakan pembangkangnya ialah perkongsian perkahwinan Mutaah, bukan perkongsian kekal," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan Pergerakan Wanita Umno Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pergerakan Wanita Umno negeri Datuk Napsiah Omar dan Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Abdul Wahab Datuk Mohd Hanapiah.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang hari ini dilaporkan berkata formula perpaduan dan hubungan di antara kaum di negara ini tidak perlu diubah sebaliknya dipertahankan kerana ia ternyata berkesan dalam mewujudkan keamanan dan kestabilan negara.

Mengenai laporan bahawa Dewan Muslimat Pas akan membariskan ramai calon wanita pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata pergerakan itu tidak kisah dengan sebarang strategi parti pembangkang dan Umno akan tetap memberikan tentangan hebat kepada parti itu.

Ditanya pendekatan Pas menyediakan dua manifesto pilihan raya yang berbeza bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, beliau berkata manifesto Pas itu menunjukkan politik hipokrasi yang tertinggi sekali.

"Kita tahu penipuan Pas ini dan akan perjelaskan perkara ini kepada rakyat," katanya.

Pas sebelum ini dilaporkan akan mengubah pendiriannya dengan menggugurkan konsep negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud dalam pilihan raya umum akan datang bagi mengelak perpecahan besar di kalangan pakatan parti pembangkang.

Ditanya sama ada pergerakan itu sudah menyenaraikan calonnya pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata masanya belum tiba untuk membincangkan perkara itu.

-- BERNAMA

RP AZH